

## ULASAN DANA

Pada bulan Mac 2025, dana mencatat pulangan berjumlah -0.51% berbanding pulangan penanda aras berjumlah -0.33%

### CIRI-CIRI DANA

#### Objektif Pelaburan

Dana ini direka untuk memberikan pendapatan dan pertumbuhan modal dengan pelaburan dalam ekuiti syarikat Asia Pasifik (tidak termasuk Jepun) dalam jangka masa sederhana hingga panjang.

#### Strategi Pelaburan

Dana ini akan melabur sekurang-kurangnya 95% dalam dana ekuiti Asia Pasifik tidak termasuk Jepun yang diluluskan dan bakiannya dalam tunai dan simpanan tetap. Dana sasaran dipilih oleh pengurus dana daripada panel dana ekuiti Asia Pasifik tidak termasuk Jepun yang diluluskan seperti berikut:

- i) JP Morgan - Asia Equity Dividend Fund
- ii) Schroder International Selection Fund- Asian Equity Yield Fund

Setiap tahun pada tarikh pemerhatian, dana terbaik akan dipilih berdasarkan prestasi purata dana selama 1 tahun dan purata pembayaran dividen. Hanya satu dana sasaran yang akan dilaburkan pada bila-bila masa sahaja

#### Pasaran Sasaran


Dana ini disasarkan kepada individu yang mempunyai selera untuk strategi pelaburan yang berisiko lebih tinggi, daripada pendedahan kepada turun naik ekuiti Asia Pasifik dan pergerakan dalam kadar pertukaran asing, dengan kemungkinan hasil dividen yang menarik dan pertumbuhan modal yang stabil dalam jangka masa sederhana hingga panjang.

#### Penanda Aras

Indeks Hasil Dividen Tinggi MSCI AC Asia Pacific tidak termasuk Japan: Bloomberg.com

### PRESTASI DANA

#### Prestasi Nilai Aset Bersih dalam denominasi Ringgit Malaysia



Sumber: Etqa Life Insurance Berhad


#### Sejarah Prestasi Dana dalam denominasi Ringgit Malaysia (dalam %)

%	1 bulan	YTD	1 tahun	3 tahun	5 tahun	Sejak Permulaan	Ditahunkan Sejak Permulaan
<b>Dana</b>	-0.51	4.07	4.46	12.02	n/a	8.90	2.30
<b>Penanda Aras</b>	-0.33	1.17	4.52	25.09	n/a	29.24	7.08
<b>Perbezaan</b>	-0.18	2.90	-0.06	-13.07	n/a	-20.34	-4.78

Sumber: Etqa Life Insurance Berhad


#### DANA SASARAN TERPILIH (JP Morgan - Asia Equity Dividend Fund)

#### Perurutan Aset-aset mengikut Wilayah Geografi (%)



Sumber: Helaian Fakta Dana JP Morgan Asia Equity Dividend pada 31 Mac 2025

#### Prestasi Dana dalam denominasi Dolar A.S (dalam %)



Sumber: Helaian Fakta Dana JP Morgan Asia Equity Dividend pada 31 Mac 2025

### BUTIRAN DANA

<b>Tarikh Permulaan</b>	9 Julai 2021
<b>Mata Wang Dana</b>	Ringgit Malaysia
<b>Pengurus Dana</b>	Etiqa Life Insurance Berhad
<b>Saiz Dana</b>	RM138.96 juta
<b>Nilai Aset Bersih (NAB) seunit</b>	RM0.97
<b>Fi Pengurusan Dana</b>	1.00% setahun daripada NAB
<b>Ticker Bloomberg</b>	ETQPAED MK Equity
<b>Tahap Risiko Keseluruhan</b>	5
<b>Asas Penilaian Unit</b>	(1=Risiko Rendah hingga 5=Risiko Tinggi)
<b>Kekerapan Penilaian Unit</b>	Harga unit ditentukan setiap hari berdasarkan nilai aset yang mendasari dana, selepas menolak perbelanjaan, dibahagikan dengan jumlah bilangan unit dalam dana tersebut.
<b>Caj-caj Lain, jika ada</b>	Setiap Hari
<b>Patuh Syariah</b>	Yuran dan perbelanjaan pengurus dana sasaran akan ditolak sebelum nilai pemegangan kami dalam dana sasaran di samping yuran pengurusan dana di atas.
	Tidak

#### Nilai Aset Bersih Tertinggi dan Terendah seunit (dalam RM)

Tahun	Tinggi (RM)	Rendah (RM)
2025 (YTD)	0.98	0.92
2024	1.01	0.89
2023	0.96	0.85
2022	1.00	0.82
2021	1.00	0.93

#### Pengagihan Pendapatan (dalam Ringgit Malaysia)

Tarikh	Net (sen per unit)	Hasil (%)
21-Dec-24	1.5967	1.68%
21-Jun-24	1.9081	1.90%
21-Dis-23	1.6073	1.73%
21-Jun-23	1.6852	1.76%
21-Dis-22	1.5959	1.82%
21-Jun-22	1.5737	1.73%
21-Dis-21	0.8129	0.85%

### BUTIRAN DANA

<b>Nama Dana</b>	JP Morgan Asia Equity Dividend Fund
<b>Pengurus Dana</b>	J.P. Morgan Asset Management
<b>Fi Pengurusan Dana</b>	Sehingga 1.50% setahun
<b>Tarikh Permulaan</b>	31 Mei 2013
<b>Mata wang Dana</b>	USD
<b>Saiz Dana</b>	USD 959.40 juta
<b>NAB seunit</b>	USD 9.55
<b>Penilaian</b>	Setiap Hari

### 5 PEGANGAN TERATAS

- 1) TAIWAN SEMICONDUCTOR MANUFACTURING CO., LTD.
- 2) TENCENT HOLDINGS
- 3) ALIBABA GROUP HOLDING
- 4) HDFC BANK
- 5) TELSTRA GROUP

Sumber: Helaian Fakta Dana JP Morgan Asia Equity Dividend pada 31 Mac 2025

Nota: Pegangan pada 31 Mac 2025

## Keadaan Luar Biasa

- Dalam keadaan luar biasa, kami berhak untuk menggantung pengeluaran atau pembatalan unit. Dalam keadaan sedemikian, notis penggantungan akan disiarkan di laman web kami, dan akan diberitahu kepada pemegang polisi atas apa-apa permintaan untuk penambahan, pertukaran, atau penarikan balik kepada atau daripada dana.
- Pada bila-bila masa, kami mempunyai hak untuk menutup mana-mana dana, atau untuk memindahkan pelaburan kepada dana baharu, tertakluk kepada kelulusan terlebih dahulu oleh pengawal selia. Dalam keadaan sedemikian, kami akan memberikan notis bertulis 90 hari terlebih dahulu.

## PENDEDAHAN RISIKO

Pemegang polisi harus mempertimbangkan potensi risiko berikut apabila melabur dalam dana. Pelabur harus sedar bahawa dengan melabur dalam Dana, tiada jaminan pulangan. Tiada jaminan bahawa pelabur akan menikmati kenaikan modal atau tidak akan mengalami kehilangan modal yang dilaburkan dalam Dana.

- 1 **Risiko Pasaran** - Risiko kerugian dalam nilai dana, disebabkan oleh faktor-faktor yang memberi kesan kepada prestasi keseluruhan pasaran kewangan. Faktor-faktor ini disebabkan oleh keadaan Semasa atau tinjauan masa hadapan, dan boleh melibatkan kedua-dua tempatan dan asing. Faktor-faktor ini boleh termasuk ekonomi, politik, kadar hasil bon kerajaan, spread serakan kredit ke atas bon korporat, penarafan kredit negara, tahap pasaran saham, kadar pertukaran asing, dan harga komoditi. Pengurus pelaburan mengurangkan risiko kepada dana dengan membeli perlindungan harga, melabur dalam pelbagai kelas aset atau dengan meningkatkan pendedahan kepada tunai. Pemegang polisi boleh mengurangkan pendedahan mereka kepada risiko pasaran dengan memilih dana yang mempunyai kadar aset berbentuk tunai yang lebih tinggi.
- 2 **Risiko Kredit dan Kemungkiran** - Risiko kerugian dalam nilai dana yang dilaburkan dalam tunai, bon atau hutang, disebabkan oleh faktor-faktor penangguhan atau penyusunan semula pembayaran berjadual daripada pihak berurusan ke atas pelaburan yang mendasarinya. Faktor-faktor ini boleh termasuk kebankrakan pihak berurusan. Pengurus pelaburan mengurangkan risiko dana dengan membeli perlindungan risiko kredit, mengurangkan pendedahan kepada pihak berurusan dengan risiko kredit yang lebih rendah, atau memilih aset banyak pihak berurusan yang tidak berkaitan. Pemegang polisi boleh mengurangkan pendedahan mereka kepada risiko kredit dengan memilih dana dengan pendedahan yang lebih rendah kepada bank-bank atau penerbit-penerbit dengan risiko kredit yang lebih tinggi.
- 3 **Risiko Kecairan** - Risiko kerugian dalam nilai dana, disebabkan oleh faktor-faktor yang menghalang penjualan suatu aset dana dengan segera. Faktor-faktor ini boleh termasuk kekurangan pembeli dalam pasaran, atau ketersediaan kecairan kepada pembeli. Pengurus pelaburan mengurangkan risiko dana dengan memilih tunai atau aset di mana dagangan kerap dilakukan. Pemegang polisi boleh mengurangkan pendedahan mereka kepada risiko kecairan dengan memilih dana yang mempunyai pendedahan yang lebih tinggi kepada tunai atau aset yang kerap didagangkan.
- 4 **Risiko Penumpuan** - Risiko kerugian dalam nilai dana, disebabkan oleh pendedahan berlebihan kepada aset atau pasaran tunggal atau serupa. Pengurus pelaburan mengurangkan risiko dana dengan melabur dalam pelbagai aset. Pemegang polisi boleh mengurangkan pendedahan mereka kepada risiko penumpuan dengan memilih dana yang memegang pelbagai aset, atau merangkumi pelbagai kelas aset, sektor pasaran, dan pihak berurusan.
- 5 **Risiko Mata wang** - Risiko kerugian dalam nilai dana yang disebabkan oleh pendedahan kepada aset yang diukur dalam mata wang selain daripada Ringgit dan pergerakan dalam kadar pertukaran mata wang asing kepada Ringgit Malaysia. Pengurus pelaburan tidak melindungi nilai atau mengurangkan risiko mata wang, justeru pulangan dalam denominasi Ringgit Malaysia mengenai dana itu akan mencerminkan pergerakan dalam nilai risiko berdenominasi mata wang asing, dan kadar pertukaran kepada Ringgit Malaysia. Pemegang polisi boleh mengurangkan pendedahan mereka kepada risiko mata wang asing dengan memilih dana yang dilaburkan dalam aset dalam denominasi Ringgit Malaysia.
- 6 **Risiko Operasi** - Risiko kerugian dalam nilai dana disebabkan oleh kekurangan atau kegagalan proses, manusia dan sistem atau peristiwa luaran. Beberapa contoh insiden operasi termasuk:
  - penyelewengan pelaburan disebabkan oleh penipuan, tindakan menyalah undang-undang, berniat jahat, iri hati, atau keganasan;
  - gangguan atau kegagalan sistem dan infrastruktur IT, yang mungkin digunakan untuk pemantauan, pelaksanaan, dan pentadbiran;
  - pengiraan tidak tepat kerana kualiti atau kesilapan data, kelemahan metodologi, atau salah pengiraan; dan
  - kawalan yang tidak tepat atau tidak lengkap.Pengurus pelaburan untuk dana menilai pengurusan risiko operasi dalam memilih dana sasaran.

## NOTA-NOTA PENTING

- 1 Helaian Fakta Dana ini adalah untuk tujuan maklumat sahaja dan tidak bertujuan, dan tidak seharusnya ditafsirkan sebagai tawaran, cadangan atau permintaan untuk menyertai atau membeli suatu polisi insurans. Ia tidak dalam apa-apa cara atau perbuatan dihasratkan untuk menjadi atau harus dianggap sebagai memberi apa-apa bentuk nasihat kepada anda. Bakal pemegang polisi perlu melakukan penilaian mereka sendiri tentang kesesuaian polisi dan risiko-risiko dana, berbanding dengan keperluan mereka, dan perlu mengambil kira nasihat profesional.
- 2 Helaian Fakta Dana ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Ilustrasi Jualan dan Helaian Pendedahan Produk bagi polisi. Bakal pemegang polisi perlu memberi perhatian teliti terhadap manfaat polisi yang bergantung kepada prestasi dana.
- 3 Risiko-risiko yang didehdakan di atas bukanlah semua risiko yang mungkin berkaitan dengan bakal pemegang polisi tertentu. Dana mungkin terdedah kepada risiko-risiko lain dari Semasa ke Semasa.
- 4 Prestasi dana terikat dengan prestasi aset yang dipegang oleh dana, dan seperti yang dinyatakan dalam helaian fakta dana ini.
- 5 Prestasi lepas bukan petunjuk prestasi masa hadapan.
- 6 Prestasi dana adalah pulangan ke atas aset dana, bukan pulangan ke atas premium yang dibayar, kerana premium tertakluk kepada caj-caj sebelum melabur dalam dana, dan dana mungkin tertakluk kepada caj-caj, yang khusus bagi polisi insurans, dan perbezaan masa aliran tunai.
- 7 Prestasi dikira berdasarkan NAB seunit pada permulaan dan akhir tempoh pengukuran, dikira sebagai:  
Pulangan NAB = (Tempoh Akhir NAB seUnit / Tempoh Mula NAB seUnit) – 1
- 8 Prestasi tahunan dikira berdasarkan kaedah pulangan dikompaun.
- 9 Apabila pengagihan diisyiharkan, pelabur dinasihatkan bahawa setelah pengagihan, NAB per unit akan disesuaikan.
- 10 Pengisyiharan pengagihan adalah atas budi bicara Pengurus Dana dan tiada jaminan.